

→ Penceroobohan dilakukan pihak tidak bertanggungjawab bagi tujuan pertanian tanaman kontan di sekitar kawasan itu.

→ Ekosistem terganggu di kawasan penyimpanan air di hutan paya gambut selain mengakibatkan saliran air yang masuk semakin berkurangan.

→ Langkah pembenihan awan dan menaik taraf kolam Bukit Merah mungkin hanya sia-sia jika penceroobohan itu tidak diatasi segera.



Dr Noor Azmi bersama penyelidik SAM meninjau tasik kering di Kampung Selamat, Bukit Merah, semalam.

# Penceroobohan hutan simpan jejas Empangan Bukit Merah

→ Kolam takungan air berkurangan, ganggu ekosistem

Oleh Shaiful Shahrin Ahmad Fauzi  
bhnews@bh.com.my

► Bukit Merah

**P**enceroobohan kawasan hutan simpan seluas kira-kira 500 hektar berhampiran kolam takungan air Bukit Merah turut dipercayai menjadi punca paras air di Empangan Bukit Merah terjejas selain faktor cuaca panas melampau disebabkan fenomena El Nino.

Ahli Parlimen Bagan Serai, Dr Noor Azmi Ghazali, berkata penceroobohan didakwa berlaku terutama di sekitar kawasan Kampung Selamat dan Hutan Simpan Pondok Tanjung sejak beberapa tahun lalu dipercayai bagi tujuan pertanian.

Katanya, penceroobohan itu dilakukan pihak tidak bertanggungjawab bagi tujuan pertanian tanaman kontan di sekitar kawasan itu.

“Penceroobohan mengakibatkan terganggunya ekosistem di kawasan penyimpanan air di hutan paya gambut selain mengakibatkan saliran air yang masuk semakin berkurangan berikutan hakisan dan mendaan yang berlaku di tasik berkenaan hingga mengakibatkan ia menjadi cetek.

“Fenomena El Nino pula mengakibatkan air takungan di Tasik Bukit Merah menyusut dengan cepat dan ia memburukkan lagi keadaan paras air di tasik berkenaan.

## Tiada tindakan serius

“Perkara ini sebenarnya diketahui pihak berkenaan di mana pemantauan turut dilakukan, bagaimanapun sehingga kini tiada tindakan yang jelas dan serius diambil bagi menanganinya,” katanya kepada pemberita selepas meninjau kawasan berkenaan bersama Sahabat Alam Malaysia (SAM) di sini semalam.

Dr Noor Azmi berkata, air ta-



Fenomena El Nino pula mengakibatkan air takungan di Tasik Bukit Merah menyusut dengan cepat dan ia memburukkan lagi keadaan paras air di tasik berkenaan”

Dr Noor Azmi Ghazali,  
Ahli Parlimen Bagan Serai

sik Bukit Merah menjadi sumber terpenting bagi menyalurkan bekalan air untuk kegunaan tanaman padi padi serta sumber air bersih kepada lebih 200,000 penduduk di daerah Kerian.

Beliau yang juga Pengerusi Pembangunan Pertanian Parlimen Bagan Serai, berkata langkah pembenihan awan dan menaik taraf kolam Bukit Merah mungkin hanya sia-sia jika penceroobohan itu tidak diatasi segera.

Sementara itu, Penyelidik Lapangan SAM, Meor Razak Meor Rahman berkata, terdapat beberapa kawasan hutan di sekitar Pondok Tanjung dan Kampung Selamat di sini yang sebelum ini menjadi punca bekalan air ke kolam Bukit Merah dikesan sudah diceroboh.

“Kebanyakan kawasan yang diteroka ialah rizab tasik Bukit Merah yang menjadi zon penampungan simpanan air,” katanya.

Katanya, pihaknya turut mendapati terdapat kira-kira 1,400 hektar hutan simpan Pondok Tanjung sudah dinyahwartakan sebagai hutan simpan dan ditukar status kepada kawasan pertanian bagi kegiatan ternakan kambing Boer.